



AZLI MOHAMED (empat dari kiri) dan Ezham Khalid (empat dari kanan) menunjukkan dokumen memorandum persefahaman yang ditandatangani di Kuala Lumpur, semalam.

Khazanah, GE sertai industri biogas

KUALA LUMPUR 1 April - Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) menjalin kerjasama dengan syarikat kejuruteraan elektrik Amerika Syarikat (AS), General Electric (GE) bagi terus meneroka peluang di dalam industri biogas tempatan.

Menurut GE, kerjasama itu diadakan menerusi memorandum persefahaman (MoU) dengan syarikat milik penuh Khazanah, Cenergi SEA Sdn. Bhd. (Cenergi).

Jelas syarikat AS itu lagi, kedua-dua syarikat telah bekerjasama sejak 2013 dengan syarikat milik Khazanah itu telah menggunakan enjin gas Jenbacher keluaran GE untuk memproses bahan buangan sawit sisa kilang (POME) di dalam projek-projek biogasnya.

“Cenergi ketika ini mempunyai kapasiti menjana tenaga 4,388 Kilowatt-elektrik (kWe) menggunakan empat unit enjin gas Jenbacher untuk dipindahkan ke Grid Nasional,” jelas GE.

MoU itu ditandatangani baru-baru ini dengan GE diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi GE Malaysia, Azli Mohamed dan Ketua Pengagihan Tenaga GE ASEAN, Daniel Icasiano sementara Cenergi diwakili oleh Ketua Pegawai, Ezham Khalid dan Ahli Lembaga Pengarah, Loh Tzu Anne.

Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Pengerusi GE, John G. Rice; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif GE ASEAN, Wouter V. Wersch; Pengerusi Cenergi, Zainul Rahim

Mohd. Zain dan Ahli Lembaga Pengarahnya, Ahmad Farouk Mohamed.

Sementara itu, Azli berkata, pihaknya berharap kerjasama itu akan menggalakkan lagi biogas sebagai penyelesaian tenaga terhadap kilang-kilang sawit di Malaysia dan pada masa sama meningkatkan lagi sumbangan tenaga boleh diperbaharui terhadap penjanaan tenaga tempatan.

Ezham pula berkata, penglibatan GE akan membolehkan syarikat itu menyediakan kepakaran kepada syarikatnya untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan sekali gus mengukuhkan jenama Cenergi di dalam pasaran biogas.